

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 2 (38)

5 Mac 2023
12 Syaaban 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.14/2023

PEMAKAIAN PROSEDUR PENETAPAN YURAN PROGRAM AKADEMIK & PELBAGAI CAJ PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Entiti Universiti (JKDEU) Bilangan 4 Tahun 2022 bertarikh 13 Disember 2022 telah meluluskan Prosedur Penetapan Yuran Program Akademik & Pelbagai Caj Pelajar Universiti Teknologi Malaysia.

2. Prosedur Penetapan Yuran Program Akademik & Pelbagai Caj Pelajar Universiti Teknologi Malaysia adalah prosedur yang diletakkan di bawah Polisi Kelestarian Kewangan Universiti Teknologi Malaysia yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 110 pada 5 Januari 2021.

3. Prosedur Penetapan Yuran Program Akademik & Pelbagai Caj Pelajar Universiti Teknologi Malaysia disediakan untuk menerangkan proses penetapan dan kajian semula kadar yuran pengajian program akademik dan pelbagai caj pelajar.

4. Sehubungan dengan itu, semua staf dan pelajar diminta mengambil maklum mengenai Prosedur Penetapan Yuran Program Akademik & Pelbagai Caj Pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **8 Februari 2023**.

5. Prosedur Penetapan Yuran Program Akademik & Pelbagai Caj Pelajar Universiti Teknologi Malaysia boleh dimuat turun melalui Portal MyUTM di pautan <https://my.utm.my/>

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah